Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 7, Issue 1, January 2022

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Komitmen Belajar dalam kalangan Pelajar Pascasiswazah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Khairun Nisa Abdul Mumen[1]
[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Correspondence: Khairun Nisa Abdul Mumen (Khairunnisamumen@gmail.com)

Abstrak

Kajian Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang ketara terhadap sektor pendidikan di dunia. Sektor pendidikan masih lagi berusaha untuk membudayakan pembelajaran atas talian sebagai salah satu alternatif medium pengajaran bagi meneruskan sesi pembelajaran menggantikan kaedah konvensional yang terpaksa dihentikan seketika bagi mengekang penularan wabak koronavirus. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada Mac 2020. Satu kajian tinjauan berbentuk soal selidik dengan kebolehpercayaan ialah 0.95, digunakan sebagai sumber utama pemerolehan data telah dijalankan terhadap 100 orang pelajar pascasiswazah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Analisis statistik ini telah dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS). Ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penerimaan pelajar dan komitmen belajar pelajar berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, lokasi tempat tinggal dan juga pencapaian pelajar. Analisis Kolerasi *Pearson* pula menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar terhadap pembelajaran atas talian semasa berlangsungnya PKP. Kajian ini dapat dijadikan gambaran yang jelas berkenaan tahap penerimaan dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap pelajar pascasiswazah ketika mengikuti pembelajaran atas talian semasa berlangsungnya PKP.

Kata kunci: Covid-19, e-pembelajaran, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), komitmen

Effect of Movement Control Order (MCO) on Learning Commitment Among Postgraduate Students of The Faculty of Education, The National University of Malaysia (UKM)

Abstract

The COVID-19 pandemic has had a significant impact on the education sector in the world. The education sector is still working to cultivate e-learning as one of the alternative teaching mediums to continue learning sessions to replace conventional methods that had to be stopped for a while to curb the spread of coronavirus. Therefore, this study was conducted to identify the level of student acceptance and the level of student learning commitment to Home Teaching and Learning (PdPR) since the Movement Control Order (PKP) was announced in March 2020. A survey study in the form of a questionnaire with a reliability of 0.95, used as the main source of data acquisition was conducted

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

on 100 postgraduate students of the Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This statistical analysis was conducted using Statistical Package for The Social Science (SPSS) software. The t-test showed that there was no significant difference between the level of student acceptance and student learning commitment based on demographic factors namely gender, location of residence and also student achievement. Pearson Correlation Analysis shows that there is a significant positive relationship between the level of student acceptance with students' commitment to online learning during the PKP. This study can be used as a clear picture of the level of acceptance and the level of student learning commitment towards postgraduate students when following online learning during the PKP.

Keywords: Covid-19, e-learning, Movement Control Order (MCO), commitment

---

Pengenalan

Pelaksanaan e-pembelajaran sebagai norma baru menjadi satu cabaran baru kepada proses pembelajaran yang perlu dihadapi oleh semua individu yang terlibat dengan pendidikan. Keberkesanan e-pembelajaran ketika pandemik sering menjadi isu hangat diperkatakan di semua peringkat institusi pendidikan pada ketika ini. Ditambah pula dengan pelbagai reaksi yang timbul terhadap penerimaan orang ramai terhadap norma baru ini. Para pelajar, guru mahupun pensyarah masih lagi tergapai-gapai menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku secara tiba-tiba dan mendadak ini. Perlaksanaan e-pembelajaran sepenuhnya adalah cabaran baru yang tidak pernah diduga selama ini kepada semua warga pendidik mahupun para pelajar.

Pandemik yang berlaku ini bukan sahaja memberi impak yang besar terhadap pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan (Mokhtar & Abu Karim, 2021; Raza, Qazi, Khan & Salam, 2021). Dapatan kajian daripada OECD (2020) menunjukkan masalah dominan yang perlu diberi keutamaan yang sedang dihadapi oleh kebanyakan negara-negara OECD pada ketika ini adalah untuk memastikan keberlangsungan pembelajaran akademik bagi para pelajar, membantu pelajar yang serba kekurangan bagi menyokong mereka melaksanakan pembelajaran kendiri dan memberi sokongan profesional kepada para pendidik dalam masa yang sama memastikan kesejahteraan pada pelajar. Penutupan sementara sektor-sektor pendidikan mendorong pihak pendidik untuk menggunakan pembelajaran atas talian sebagai salah satu alternatif untuk terus membimbing murid dalam pembelajaran mereka (Jamian, Zainal Abidin & Arsad, 2020).

Pandemik ini telah memaksa sistem pendidikan untuk meningkatkan lagi penggunaan teknologi ke dalam sistem pendidikan. Dunia pendidikan ketika pandemik ini telah menerima impak yang besar terhadap peningkatan integrasi dalam e-pembelajaran ke dalam proses PdP. Peranan teknologi maklumat menjadi semakin penting terutama dalam bidang pendidikan dan kini menjadi medium utama penyaluran maklumat kepada para pelajar. Oleh itu, proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) dapat dijalankan dan disampaikan kepada para pelajar dengan lebih berkesan (Jamian, Zainal Abidin & Arsad, 2020). Manfaat sistem e-pembelajaran membolehkan para pelajar dan tenaga pendidik mengakses internet untuk mendapatkan bahan-bahan PdP (Mokhtar & Abu Karim, 2021). Selain menjadi satu cabaran baru kepada para pelajar, para pendidik juga perlu segera bertindak untuk menyesuaikan diri bagi memahami pelaksanaan sistem e-pembelajaran.

Namun, satu hal yang perlu dipastikan adalah proses penambahbaikan pelaksanaan PdPR haruslah dilaksanakan dengan segera secara lebih menyeluruh bagi memastikan kualiti pendidikan negara mencapai tahap yang lebih baik. Pelbagai cabaran dan kekangan yang dapat dikenal pasti ketika perlaksanaan PdPR seperti kemahiran penggunaan teknologi, kemudahan peralatan atau prasarana ICT dan sambungan rangkaian internet (Goliong, Kasin, Johny & Yulip, 2020). Kajian semula terhadap masalah-masalah yang wujud ini juga perlu diatasi dan satu perancangan atau strategi perlu dilaksanakan bagi memastikan proses pembelajaran masih dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

Berlakunya wabak covid-19 telah mengubah landskap pembelajaran secara keseluruhannya. Alternatif bagi pengajaran bersemuka, e-pembelajaran telah dilaksanakan bagi memastikan PdPC dapat diteruskan agar PdPC tetap dapat diteruskan dengan lancar. Transformasi baru teknologi maklumat telah mengubah trend pendidikan masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyeru kepada warga pendidik dan murid untuk meneruskan proses pembelajaran melalui pelantar pendidikan yang telah dicadangkan (Pejabat Perdana Menteri, 2020). Oleh itu, penyelidik cuba untuk mengkaji tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan kaedah pembelajaran yang baharu ini dengan mengaplikasikan model bersepadu UTAUT *(Unified Theory of Acceptance and Use of Technology)* di dalam kajian ini.

Objektif Kajian

Terdapat lima objektif kajian yang dicapai kajian ini iaitu:

i. Mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP.
ii. Mengenal pasti tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP.
iii. Mengenal pasti perbezaan tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar berdasarkan faktor demografi (jantina, lokasi tempat tinggal dan keputusan).
iv. Mengenal pasti hubungan antara tahap penerimaan pelajar dan komitmen belajar pelajar dengan pencapaian pelajar.
v. Mengenal pasti hubungan antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar.

Sorotan Literatur

Penerimaan terhadap E-pembelajaran

Dalam usaha untuk menghentikan penularan wabak Covid-19, pembelajaran atas talian telah dilaksanakan sepenuhnya di semua institusi-institusi pendidikan seluruh negara sejak PKP diumumkan pada Mac 2020. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah salah satu pilihan yang ada untuk meneruskan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) yang terpaksa dihentikan secara tiba-tiba rentetan kes penularan tempatan yang semakin tinggi mencanak (Safri, Mohi, & Hanafiah, 2020). Kaedah pembelajaran bersemuka di sekolah-sekolah dan semua institusi pendidikan terpaksa digantikan dengan e-pembelajaran bagi memastikan proses PdPC masih dapat dijalankan dengan lancar semasa berlakunya pandemik ini, bagi memastikan tiada keciciran murid dalam pelajaran. Pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak timbul rentetan pengumuman penangguhan pembukaan sekolah dan juga pelaksanaan PdPR yang akan dilaksanakan sepenuhnya.

Reaksi-reaksi dari pelbagai pihak ini timbul disebabkan kegusaran dan kebimbangan kerana masih tidak terbiasa dengan proses pembelajaran yang baru ini. Kajian Nawi dan Hamidaton (2020) mendapati bahawa pelajar USIM memberikan respons yang positif terhadap tiga faktor kesediaan iaitu pengetahuan, sikap dan motivasi dan secara keseluruhannya tahap penerimaan yang positif terhadap aplikasi Microsoft Teams sebagai medium utama pembelajaran. Manakala kajian Haron, Hussin dan Yusof (2020) yang telah dijalankan ke atas pelajar UKM mendapati para pelajar menerima baik kaedah pembelajaran menggunakan *Massive Open Online Course* (MOOC). Bagi mereka, MOOC dapat digunakan untuk memuat turun nota kursus, mempelajari kursus secara kendiri, membuat perbincangan, galakan daripada kawan-kawan dan pensyarah dan menjadi pendorong untuk mereka terus berusaha menggunakan platform ataupun teknologi yang baru ini. Hal ini juga disokong dengan adanya kemudahan-kemudahan yang lengkap dan kondusif.

Selari juga dengan dapatan kajian Umbit dan Taat (2016) yang menyatakan secara keseluruhan tahap penerimaan pelajar di institusi pendidikan guru di Sarawak terhadap e-pembelajaran adalah tinggi. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan yang tinggi adalah faktor tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, ciri-ciri pensyarah, kualiti sistem, kualiti maklumat dan sokongan teknikal. Sebaliknya, kajian yang dilakukan oleh Quah (2020) terhadap pensyarah dan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani mendapati pada awalnya, kebanyakan pensyarah tidak mahu atau tidak sanggup menerima perubahan ini seterusnya tidak mengikuti bengkel-bengkel yang telah dilaksanakan atas sebab masih tidak bersedia lagi kaedah baru iaitu Pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT). Selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Goliong et al. (2020) yang dilakukan terhadap guru-guru sekolah menengah dan sekolah rendah di daerah Ranau menunjukkan kesediaan guru-guru, murid dan ibu bapa dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PdPcJJ) masih di tahap yang kurang memuaskan khususnya dalam mod pembelajaran dalam talian. Pelbagai reaksi dapat dirakamkan daripada seluruh warga masyarakat amnya. Namun dari sudut pandang yang lain, penggunaan teknologi sepenuhnya dalam pembelajaran tidak semestinya memberikan manfaat yang maksimum jika mereka tidak dibekalkan dengan elemen-elemen persediaan yang secukupnya. Ting (2007) dan Goliong et al. (2020) mengelaskan semua cabaran yang dihadapi ketika proses e-pembelajaran ini kepada empat halangan utama iaitu halangan personaliti, halangan institusi, halangan teknologi dan halangan situasi.

Dapatan kajian Vinathan (2016) menunjukkan tahap motivasi guru adalah di tahap yang tinggi. Kajian turut menunjukkan guru-guru lebih bermotivasi dan berminat menggunakan ICT dalam PdPc. Hal ini kerana, penggunaan ICT dalam PdPC dapat memudahkan kerja mereka, meyakinkan, membuatkan hasil kerja lebih cekap dan kreatif. Namun bagi tahap penggunaan ICT pula berada di tahap yang rendah. Hal ini disebabkan oleh beberapa masalah yang sering berlaku seperti kekurangan kemahiran ICT guru, jaringan internet yang lambat, kemudahan ICT dan sokongan teknikal pihak sekolah yang rendah dan kekurangan masa. Integrasi teknologi dalanm pendidikan dapat dimanfaatkan secara maksimum sekiranya mereka dapat dibekalkan dengan elemen-elemen persediaan yang secukupnya. Sejajar dengan itu, para siswazah menyatakan mempunyai keyakinan tinggi tentang kebolehan menggunakan e-pembelajaran. Kecekapan diri para siswazah ini dapat dikaitkan dengan kemudahan pelajar dan penggunaan internet untuk mengikut kursus komputer sudah menjadi perkara biasa mereka (Ting 2007).

Kajian Quah (2020) mendapati bahawa pelbagai isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pensyarah dan juga pelajar Kolej Komuniti Sungai Petani semasa perlaksanaan Pengajaran dan pembelajaran dalam talian (PdPDT). Antaranya ialah tiada kemudahan yang lengkap seperti kamera video (Webcam), microfon, pembesar suara (speaker), data internet dan liputan internet lebih-lebih bagi pelajar yang tinggal diluar kawasan liputan internet. Selain itu, para pensyarah masih memerlukan kursus dan latihan e-pembelajaran agar dapat mengendalikan PdPDT dengan mantap dan berkesan. Goliong et al. (2020) pula mendapati isu utama yang dihadapi oleh guru, pelajar dan juga ibu bapa ketika perlaksanaan PdPR ini adalah halangan teknologi yang mana merangkumi kesukaran guru untuk membimbing murid secara *online*, masalah berkomunikasi murid ketika sesi pdPR dan ibu bapa tidak mampu menyediakan data telefon pintar yang mencukupi.

Latar belakang Teori dan Model

Bagi tahap penerimaan, model bersepadu UTAUT *(Unified Theory of Acceptance and Use of Technology)* adalah sebuah model penerimaan teknologi yang terkini. Model ini telah dibangunkan oleh Venkatesh, Morris dan Davis (2003). Teori UTAUT ini mengandungi empat teras penentu penggunaan niat dalam teknologi iaitu jangkaan prestasi *(performance expectation)*, jangkaan terhadap usaha *(effort expectation)*, pengaruh sosial *(social influence)* dan keadaan kemudahan *(facilitating condition)*. Model ini diadaptasi dan digunakan dalam mereka bentuk konstruk tahap penerimaan terhadap e-pembelajaran. Menurut Hamdan, Din, Abdul Manaf, Mat Salleh, Kamsin & Ismail (2015), Venkatesh, Morris dan Davis (2003) telah pun mengintegrasikan teori UTAUT daripada lapan teori dan model diintegrasikan kepada empat penentu bagi niat tingkah laku dan penggunaan tingkah laku serta empat moderator.

Model UTAUT yang telah dibangunkan adalah berdasarkan model-model dan teori teori seperti Teori Tindakan Bersebab (TTB), Teori Tingkah Laku Terancang (TTT), Model Penerimaan Teknologi (MPT), Teori Tingkah Laku Terancang dan Model Penerimaan Teknologi (TTT-MPT), Teori Inovasi Difusi (TID) , Teori Kognitif Sosial (TKS), Model Motivasi (MM), dan Model Penggunaan PC (MPPC) (Hamdan et al. 2015). Berdasarkan analisis dan dapatan kajian Hamdan et al. (2015),

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

peningkatan penggunaan model UTAUT di Malaysia adalah disebabkan wujudnya kesedaran kepada penyelidik-penyelidik untuk mengenal pasti faktor-faktor penerimaan teknologi yang dilaksanakan dalam dunia pendidikan. Oleh itu, pembolehubah UTAUT ini digunakan bagi memahami tingkah laku pengguna terhadap penerimaan e-pembelajaran sebagai satu medium pembelajaran baru di dalam kalangan pelajar universiti awam, khususnya UKM.

Manakala komitmen belajar pula yang didapati daripada kajian lalu (Hamid & Mohamad, 2017) iaitu berteraskan kepada elemen tiga dimensi komitmen iaitu identifikasi (afektif) , berterusan (penglibatan) dan normatif (kesetiaan) yang dibina oleh Meyer dan Allen (2001) yang merangkumi elemen kepercayaan, disiplin penglibatan, kerjasama, tanggungjawab dan amanah (Hamid & Mohamad, 2017) yang mana merangkumi komitmen belajar sebagai seorang pelajar yang diaplikasikan di dalam kajian ini. Seterusnya konstruk motivasi juga diukur dalam kajian ini, motivasi adalah rangsangan yang sangat penting dalam mendorong dan menentukan hala tuju serta keberkesanan proses PdPC dari dalam diri pelajar (Nasir & Hamzah, 2014). Motivasi dianggap sebagai sesuatu dorongan yang dapat membantu setiap individu untuk menjayakan tugasan, kerjaya dan aspirasi hidup (Chigona & Davids, 2014). Ahmid, Abdullah & Johari (2018) menyatakan kepercayaan motivasi dipercayai dapat memberi sumbangan dan menjadi faktor yang boleh meramal pencapaian akademik pelajar.

Metod Kajian

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Di dalam kajian ini, reka bentuk kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti kesan PKP terhadap komitmen belajar dalam kalangan pelajar ke atas pelajar sarjana Pusat Kembangan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM terhadap perlaksanaan pembelajaran atas talian. Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah bagi mengumpulkan maklumat untuk menjawab persoalan kajian yang telah dibina. Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian. Data-data ini dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan menggunakan *google form*. Penggunaan kaedah ini digunakan bagi memudahkan pengkaji mengumpul data dan sampel kajian dan responden dengan masa yang singkat dan bersesuaian dengan keadaan PKP, dimana *link google form* dapat diedarkan dengan lebih mudah untuk melengkapkan soal selidik ini.

Dalam konteks kajian ini, 100 orang pelajar pascasiswazah menjadi sasaran, yang mana telah mengikuti pembelajaran secara atas talian sejak Mac 2020 iaitu ketika pengumuman PKP dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Populasi yang dipilih dan yang telah menjawab soal selidik kajian ini, adalah terdiri daripada para pelajar pascasiswazah sarjana Pusat Kembangan Pendidikan UKM yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kursus dan tahun pengajian. Persampelan rawak dipilih agar sampel dapat mewakili populasi. Soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A adalah maklumat demografi responden. Bahagian B ialah konstruk berkenaan tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dan bahagian C ialah tahap komitmen belajar pelajar semasa PKP.

Instrumen yang digunakan bagi mengumpulkan data-data kajian. Soal selidik ini akan diedarkan kepada 100 orang responden yang terdiri daripada para pelajar Sarjana Pusat Kembangan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM yang kini sedang menghadiri kelas secara atas talian sejak PKP diumumkan pada Mac 2020. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang telah menggunakan pembelajaran atas talian dan terdiri daripada pelbagai latar belakang kursus dan tahun pengajian pelbagai bidang di di Fakulti Pendidikan, UKM. Dalam kajian ini, satu set soal selidik yang mengandungi tiga (3) bahagian telah disediakan, iaitu Bahagian A : Maklumat Latar Belakang Pelajar; Bahagian B : Aspek tahap penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian; Bahagian C : Aspek komitmen belajar pelajar semasa PKP. Soal selidik diadaptasi dan diubahsuai daripada para penyelidik lain seperti Linsah dan Mahamod (2018), Umbit dan Taat (2016), Vinathan (2016), Yahaya dan Ling (2011), Andin, Zainol, Wong dan Hamzah (2019) serta Lapammu dan Mahamod (2018).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

Hasil Kajian

Demografi Responden

Kajian ini berfokuskan kepada pelajar pascasiswazah Pusat Kembangan Pendidikan Fakulti Pendidikan, UKM dan seramai 100 orang telah terlibat dalam kajian ini. Data demografi yang digunakan seperti jantina, lokasi tempat tinggal dan keputusan ataupun pencapaian pelajar dibentangkan dalam bentuk jadual berdasarkan bilangan dan peratusan responden. Taburan demografi responden dipaparkan dalam Jadual 1.


Jadual 1 : Taburan Demografi Responden (N=100)

Item	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	18	18.0
Perempuan	82	82.0
Lokasi tempat tinggal		
Bandar	55	55.0
Luar bandar	45	45.0
Keputusan / pencapaian pelajar (PNGK terkini)		
2.0 - 3.0	9	9.0
3.0 - 3.5	24	24.0
3.5 - 4.0	67	67.0

Taburan Responden Mengikut Jantina

Maklumat dalam Rajah 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Daripada keseluruhan 100 responden yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 18.0 peratus adalah terdiri daripada pelajar lelaki, manakala bakinya sebanyak 82.0 peratus lagi adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa jumlah responden dalam kalangan pelajar perempuan melebihi jumlah pelajar lelaki dalam kajian ini.

Rajah 1 : Taburan Responden Mengikut Jantina




Taburan Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Bagi profil responden mengikut lokasi tempat tinggal, dapatan menunjukkan seramai 55 orang (55.0%) adalah dari lokasi bandar, manakala seramai 45 orang (45.0%) lagi adalah dari lokasi luar bandar.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254


Rajah 2 : Taburan Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal



Taburan Responden Mengikut Keputusan / Pencapaian Pelajar

Merujuk kepada Rajah 3, dapat dilihat bahawa majoriti keputusan / pencapaian pelajar dalam kajian ini adalah terdiri daripada PNGK 3.5 – 4.0 dengan seramai 67 orang (67.0%). Diikuti dengan seramai 24 orang (24.0%) PNGK 3.0 – 3.5 dan terakhir seramai 9 orang (9.0%) PNGK 2.0 – 3.0.

Rajah 3 : Taburan Responden Mengikut Keputusan / Pencapaian Pelajar



Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Atas Talian Semasa PKP

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap e-Pembelajaran Semasa PKP

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
B1	Saya yakin proses PdP dapat dijalankan dengan lebih berkesan menerusi e-Pembelajaran	2 (2.0)	6 (6.0)	33 (33.0)	51 (51.0)	8 (8.0)	3.57	.807

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

B2	Penggunaan e-pembelajaran dalam PdP dapat menghasilkan pelbagai inovasi interaktif	0 (0.0)	6 (6.0)	11 (11.0)	63 (63.0)	20 (20.0)	3.97	.745
B3	Saya lebih memahami hasil pembelajaran dengan menggunakan e-pembelajaran	2 (2.0)	11 (11.0)	30 (30.0)	46 (46.0)	11 (11.0)	3.53	.904
B4	Melalui e-pembelajaran saya dapat mempelbagaikan lagi teknik pembelajaran saya	0 (0.0)	5 (5.0)	13 (13.0)	65 (65.0)	17 (17.0)	3.94	.708
B5	E-pembelajaran sebagai alat bantu pembelajaran amatlah menyeronokkan, mudah dan realistik.	0 (0.0)	7 (7.0)	22 (22.0)	50 (50.0)	21 (21.0)	3.85	.833
B6	Penggunaan e-pembelajaran banyak membantu saya dalam memahami isi kandungan pembelajaran	1 (1.0)	8 (8.0)	27 (27.0)	49 (49.0)	15 (15.0)	3.69	.861
B7	Penggunaan e-pembelajaran dalam PdP menjadikan saya lebih mudah mengingati	2 (2.0)	6 (6.0)	36 (36.0)	44 (44.0)	12 (12.0)	3.58	.855
B8	Penggunaan e-pembelajaran dalam inovasi PdP amat berkesan membantu saya lebih faham mengenai sesuatu perkara dalam	2 (2.0)	8 (8.0)	22 (22.0)	54 (54.0)	14 (14.0)	3.70	.882
B9	E-pembelajaran memudahkan dan menjimatkan masa saya membuat nota dan latihan	1 (1.0)	5 (5.0)	10 (10.0)	63 (63.0)	21 (21.0)	3.98	.778
B10	Saya suka menggunakan e-pembelajaran di dalam PdP yang mana merupakan keperluan masa kini	3 (3.0)	8 (8.0)	18 (18.0)	52 (52.0)	19 (19.0)	3.76	.955
B11	E-pembelajaran sangat berguna dalam PdP, dapat menghubungkan saya dengan pensyarah diluar bilik kuliah	1 (1.0)	6 (6.0)	17 (17.0)	54 (54.0)	22 (22.0)	3.90	.847
B12	Pelaksanaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada kemahiran pengguna dan fasiliti.	1 (1.0)	4 (4.0)	7 (7.0)	52 (52.0)	36 (36.0)	4.18	.809
B13	Saya merasa selesa menggunakan e-pembelajaran	3 (3.0)	5 (5.0)	19 (19.0)	58 (58.0)	15 (15.0)	3.77	.874
B14	E-pembelajaran menyediakan maklumat yang terperinci dalam bentuk talian	1 (1.0)	5 (5.0)	14 (14.0)	67 (67.0)	13 (13.0)	3.86	.739
B15	E-pembelajaran memberikan saya fleksibiliti untuk belajar bila-bila masa dan di mana-mana tempat	2 (2.0)	4 (4.0)	7 (7.0)	52 (52.0)	35 (35.0)	4.14	.865
	Keseluruhan						**3.83**	**.648**

Nota: Tahap:Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Dalam kajian ini, tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP diukur melalui 15 item. Jadual 2 menunjukkan dua belas item mempunyai skor yang tinggi, manakala tiga item lagi mempunyai skor yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan item B12 iaitu *"Pelaksanaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada kemahiran pengguna dan fasiliti."* mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.18, SP = 0.809). Diikuti dengan item B15 iaitu *"E-pembelajaran memberikan saya*

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

fleksibiliti untuk belajar bila-bila masa dan di mana-mana tempat." (min = 4.14, SP = 0.865) dan item B9 iaitu *"E-pembelajaran memudahkan dan menjimatkan masa saya membuat nota dan latihan"* (min = 3.98, SP = 0.778). Manakala item B3 iaitu *"Saya lebih memahami hasil pembelajaran dengan menggunakan e-pembelajaran."* pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.53, SP = 0.904). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP (min = 3.83, SP = 0.648) adalah berada pada tahap yang tinggi.

Tahap Komitmen Belajar Pelajar Terhadap e-Pembelajaran Online Semasa PKP

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian kedua iaitu mengenal pasti tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Tahap Komitmen Belajar Pelajar Terhadap e-Pembelajaran *Online* Semasa PKP

No	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP
C1	E-pembelajaran menyebabkan hasil kerja saya lebih cekap dan kreatif	2 (2.0)	10 (10.0)	21 (21.0)	59 (59.0)	8 (8.0)	3.61	.852
C2	Saya merasakan e-pembelajaran sangat menyeronokkan dan memberi motivasi pada saya untuk mengikuti setiap sesi pengajaran	4 (4.0)	8 (8.0)	29 (29.0)	50 (50.0)	9 (9.0)	3.52	.915
C3	Dengan galakan pensyarah, saya berasa yakin menggunakan e-pembelajaran dalam PdP	3 (3.0)	9 (9.0)	12 (12.0)	61 (61.0)	15 (15.0)	3.76	.922
C4	Saya akan memilih untuk melakukan e-pembelajaran pada masa yang akan datang	5 (5.0)	9 (9.0)	26 (26.0)	44 (44.0)	16 (16.0)	3.57	1.027
C5	Saya suka menggunakan e-pembelajaran dalam PdP	4 (4.0)	8 (8.0)	24 (24.0)	48 (48.0)	16 (16.0)	3.64	.980
C6	Saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka	7 (7.0)	11 (11.0)	45 (45.0)	26 (26.0)	11 (11.0)	3.23	1.024
C7	Saya merasakan kelas 16 jam (sesi 1) e-pembelajaran adalah mencukupi	5 (5.0)	8 (8.0)	28 (28.0)	44 (44.0)	15 (15.0)	3.56	1.008
C8	Saya setuju jika ada kelas tambahan yang diadakan diluar masa/jadual yang telah ditetapkan	8 (8.0)	9 (9.0)	23 (23.0)	47 (47.0)	13 (13.0)	3.48	1.087
C9	Saya terlibat aktif didalam e-pembelajaran semasa proses PdP	6 (6.0)	7 (7.0)	22 (22.0)	49 (49.0)	16 (16.0)	3.62	1.033
C10	Saya berminat dengan semua subjek	3 (3.0)	7 (7.0)	17 (17.0)	62 (62.0)	11 (11.0)	3.71	.868
C11	Saya suka melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu	2 (2.0)	5 (5.0)	10 (10.0)	66 (66.0)	17 (17.0)	3.91	.805
C12	Saya suka belajar menggunakan persekitaran e-pembelajaran	2 (2.0)	7 (7.0)	22 (22.0)	55 (55.0)	14 (14.0)	3.72	.866

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

C13	Saya berasa seronok belajar menggunakan e-pembelajaran dan sentiasa mempelajari cara penggunaannya	2 (2.0)	7 (7.0)	18 (18.0)	52 (52.0)	21 (21.0)	3.83	.911
C14	E-pembelajaran adalah cara pembelajaran pilihan saya	5 (5.0)	7 (7.0)	27 (27.0)	46 (46.0)	15 (15.0)	3.59	.996
C15	Saya suka menggunakan e-pembelajaran kerana dapat mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran	3 (3.0)	5 (5.0)	12 (12.0)	58 (58.0)	22 (22.0)	3.91	.900
	Keseluruhan						**3.64**	**.754**

Nota: Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Dalam kajian ini, tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP diukur menggunakan 15 item. Jadual 3 menunjukkan enam item mempunyai skor yang tinggi, manakala sembilan item lagi mempunyai skor yang sederhana. Hasil kajian ini menunjukkan item C15 iaitu *"Saya suka menggunakan e-pembelajaran kerana dapat mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran."* mencatatkan min yang tertinggi (min = 3.91, SP = 0.900). Diikuti dengan item C11 iaitu *"Saya suka melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu."* (min = 3.91, SP = 0.805) dan item C13 iaitu *"Saya berasa seronok belajar menggunakan e-pembelajaran dan sentiasa mempelajari cara penggunaannya."* (min = 3.83, SP = 0.911). Manakala item C6 iaitu *"Saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka."* pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.23, SP = 1.024). Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP (min = 3.64, SP = 0.754) adalah berada pada tahap yang sederhana.

Analisis Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Tahap Komitmen Belajar Pelajar Berdasarkan Faktor Demografi

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian ketiga iaitu mengenal pasti perbezaan tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar berdasarkan faktor demografi seperti jantina, lokasi tempat tinggal dan keputusan. Dua kaedah analisis yang digunakan untuk menganalisis perbezaan ini iaitu ujian-t dan juga analisis varian sehala (ANOVA).

Jadual 4 menunjukkan perbezaan tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP berdasarkan jantina. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerimaan pelajar [t = 0.092, p = 0.927], p > 0.05; dan tahap komitmen belajar pelajar [t = 0.301, p = 0.764], p > 0.05 berdasarkan jantina responden. Dengan itu Ho1 dan Ho2 adalah diterima. Ini menunjukkan bahawa jantina tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan dalam tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP.

Jadual 4 : Ujian-t Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Tahap Komitmen Belajar Pelajar Berdasarkan Faktor Jantina

	Jantina	**N**	**Min**	**SP**	**Nilai t**	**Sig.P**
Tahap penerimaan pelajar	Lelaki	18	3.84	.790	.092	.927
	Perempuan	82	3.83	.618		
Tahap komitmen belajar pelajar	Lelaki	18	3.69	.940	.301	.764
	Perempuan	82	3.63	.713		

Jadual 5 menunjukkan perbezaan tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP berdasarkan lokasi tempat tinggal. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerimaan pelajar [t = 0.762, p = 0.448], p

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

> 0.05; dan tahap komitmen belajar pelajar [t = 0.402, p = 0.689], p > 0.05 berdasarkan lokasi tempat tinggal responden. Dengan itu Ho3 dan Ho4 adalah diterima. Ini menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan dalam tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP.

Jadual 5: Ujian-t Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Tahap Komitmen Belajar Pelajar Berdasarkan Faktor Lokasi Tempat Tinggal

	Lokasi	**N**	**Min**	**SP**	**Nilai t**	**Sig.P**
Tahap penerimaan pelajar	Bandar	55	3.87	.641	.762	.448
	Luar bandar	45	3.77	.658		
Tahap komitmen belajar pelajar	Bandar	55	3.67	.725	.402	.689
	Luar Bandar	45	3.61	.795		

Jadual 6 menunjukkan perbezaan tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP berdasarkan keputusan. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerimaan pelajar [F(2, 97) = 0.060, p = 0.942], p > 0.05; dan tahap komitmen belajar pelajar [F(2, 97) = 0.031, p = 0.970], p > 0.05 berdasarkan keputusan responden. Dengan itu Ho5 dan Ho6 adalah diterima. Ini menunjukkan bahawa keputusan / pencapaian tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan di dalam tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP.

Jadual 6: *ANOVA* Sehala Perbezaan Tahap Penerimaan Pelajar dan Tahap Komitmen Belajar Pelajar Berdasarkan Faktor Keputusan

		JKD	**DK**	**MKD**	**F**	**Sig. P**
Tahap penerimaan pelajar	Antara kumpulan	.052	2	.026	.060	.942
	Dalam kumpulan	41.470	97	.428		
	Jumlah	41.522	99			
Tahap komitmen belajar pelajar	Antara kumpulan	.036	2	.018	.031	.970
	Dalam kumpulan	56.242	97	.580		
	Jumlah	56.278	99			

Hubungan antara Tahap Penerimaan Pelajar dengan Komitmen Belajar Pelajar

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian keempat iaitu mengenal pasti hubungan antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar. Hasil analisis korelasi pearson dipaparkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Hubungan Antara Tahap Penerimaan Pelajar dengan Komitmen Belajar Pelajar

	Komitmen belajar pelajar	
	r	**Sig. P**
Tahap penerimaan pelajar	0.712**	.000

** p < 0.01

Dalam Jadual 7 di atas menunjukkan keputusan pengujian hipotesis menghasilkan satu dapatan penting, iaitu tahap penerimaan pelajar (r = 0.712, p < 0.01) mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP. Dengan itu, Ho7 adalah ditolak. Menurut Alias Baba (1995), kekuatan pekali korelasi daripada 0.61 sehingga 0.8 adalah berada di tahap yang kuat. Dapat dirumuskan, terdapat perhubungan yang kuat antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

Hubungan antara Tahap Penerimaan Pelajar dan Komitmen Belajar Pelajar dengan Pencapaian Pelajar

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian kelima iaitu mengenal pasti hubungan antara tahap penerimaan pelajar dan komitmen belajar pelajar dengan pencapaian pelajar. Hasil analisis korelasi dipaparkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Hubungan Antara Tahap Penerimaan Pelajar dan Komitmen Belajar Pelajar Dengan Pencapaian Pelajar

	Pencapaian pelajar	
	r	**Sig. P**
Tahap penerimaan pelajar	-.018	.858
Komitmen belajar pelajar	-.021	.837

Dalam Jadual 8 di atas menunjukkan keputusan pengujian hipotesis menghasilkan dua dapatan penting. Pertama, tahap penerimaan pelajar ($r = 0.018$, $p > 0.05$) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Dengan itu, Ho8 adalah diterima. Kedua, tahap komitmen belajar pelajar ($r = 0.021$, $p > 0.05$) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Dengan itu, Ho9 adalah diterima.

Analisis yang dijalankan berbentuk frekuensi, ranking min dan t-test. Objektif satu ialah untuk mengenal pasti tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Berdasarkan ranking min dalam jadual 9 dan 10 menunjukkan pernyataan yang mendapat *rank* yang tertinggi dan paling rendah.

Jadual 9: Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap e-Pembelajaran Semasa PKP

No	**Pernyataan**	**Min**	**Tahap**	**Rank**
B1	Saya yakin proses PdP dapat dijalankan dengan lebih berkesan menerusi e-Pembelajaran	3.57	Sederhana	14
B3	Saya lebih memahami hasil pembelajaran dengan menggunakan e-pembelajaran	3.53	Sederhana	15
B12	Pelaksanaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada kemahiran pengguna dan fasiliti.	4.18	Tinggi	1
B15	E-pembelajaran memberikan saya fleksibiliti untuk belajar bila-bila masa dan di mana-mana tempat	4.14	Tinggi	2

Nota: Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Bagi tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP, pernyataan yang mendapat rank yang paling rendah adalah ”*Saya yakin proses PdP dapat dijalankan dengan lebih berkesan menerusi e-Pembelajaran”* dan “*Saya lebih memahami hasil pembelajaran dengan menggunakan e-pembelajaran*”.

Melalui kajian ini, pengkaji melihat bahawa responden masih belum sepenuhnya menerima e-pembelajaran sebagai satu medium utama untuk pembelajaran. Hal ini menunjukkan, majoriti responden lebih memilih kelas bersemuka sebagai satu medium pembelajaran yang berkesan berbanding e-pembelajaran. Seterusnya, responden menyatakan tidak setuju terhadap pernyataan lebih memahami hasil pembelajaran dengan menggunakan e-pembelajaran. Di mana berkemungkinan terdapat aspek yang perlu diberikan perhatian terhadap keberkesanan hasil pembelajaran. Sama ada melalui cara penyampaian pensyarah, bahan-bahan pengajaran, persekitaran ataupun berkemungkinan dari segi kekangan peranti-peranti elektronik yang menjadi penghalang terhadap keberkesanan hasil pembelajaran.

Seterusnya, pernyataan yang mendapat rank yang paling tinggi adalah *”Pelaksanaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada kemahiran pengguna dan fasiliti”* dan *“E-pembelajaran memberikan saya fleksibiliti untuk belajar bila-bila masa dan di mana-mana tempat”.* Kajian mendapati para responden

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

bersetuju bahawa pelaksanaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada tahap kemahiran menggunakan peranti dan pemilikan fasiliti. Seterusnya, responden setuju bahawa e-pembelajaran memberikan mereka fleksibiliti dan keselesaan untuk belajar di mana-mana dan pada waktu bila-bila masa sahaja. Namun, fleksibiliti ini hanyalah kepada mereka yang mempunyai akses peranti elektronik sahaja. Hal ini bermakna, e-pembelajaran hanya berkesan kepada responden yang memiliki fasiliti ataupun yang mempunyai peranti elektronik, mendapat akses kepada internet dan memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam mengendalikan e-pembelajaran sahaja.

Dapat disimpulkan juga, para responden yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah Pusat Kembangan Pendidikan Fakulti Pendidikan, UKM mempunyai akses internet, memiliki peranti elektronik dan mempunyai tahap kemahiran yang tinggi untuk menjalankan pembelajaran atas talian di rumah.

Jadual 10: Tahap Komitmen Belajar Pelajar Terhadap e-Pembelajaran *Online* Semasa PKP

No	Pernyataan	Min	Tahap	Rank
C6	Saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka	3.23	Sederhana	15
C8	Saya setuju jika ada kelas tambahan yang diadakan diluar masa/jadual yang telah ditetapkan	3.48	Sederhana	14
C11	Saya suka melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu	3.91	Tinggi	1
C15	Saya suka menggunakan e-pembelajaran kerana dapat mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran	3.91	Tinggi	1

Nota: Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Bagi tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP, pernyataan yang mendapat rank yang paling rendah adalah *"Saya setuju jika ada kelas tambahan yang diadakan diluar masa/jadual yang telah ditetapkan"* dan "*Saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka"*. Melalui analisis dapatan kajian ini, dapat dilihat para responden tidak bersetuju untuk mengadakan kelas diluar masa/jadual yang telah ditetapkan. Hal ini boleh dikaitkan juga dengan keadaan sekarang, dimana responden perlu menjalankan PdPR, yang mana berkemungkinan mereka mempunyai komitmen-komitmen yang lain yang perlu dilakukan di rumah. Selain itu, responden juga kurang bersetuju dengan pernyataan *"saya lebih berminat mengadakan e-pembelajaran berbanding kelas bersemuka".* Para responden masih selesa dan mengganggap pembelajaran bersemuka adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan e-pembelajaran ataupun PdPR.

Manakala, pernyataan yang mendapat rank yang paling tinggi adalah *"Saya suka melakukan bacaan tambahan untuk memudahkan pemahaman saya bagi topik tertentu"* dan *"Saya suka menggunakan e-pembelajaran kerana dapat mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran".* Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa, dengan e-pembelajaran, para responden dapat mempelbagaikan bahan bacaan tambahan yang dapat meningkatkan lagi tahap pemahaman mereka terhadap sesuatu topik ataupun pembelajaran. Hal ini kerana, dengan menggunakan pembelajaran atas talian dapat memudahkan mereka untuk mencari bahan atau nota tambahan berkaitan pembelajaran.

Seterusmya, dapat dirumuskan, terdapatnya perhubungan yang kuat pelajar ($r = 0.712$, $p < 0.01$), antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar terhadap pembelajaran atas talian semasa berlangsungnya PKP. Hal ini kerana penerimaan pelajar yang positif terhadap pembelajaran atas talian akan menjadi pendorong kepada para pelajar untuk memberi komitmen sepenuhnya terhadap proses pembelajaran.

Perbincangan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam kalangan pelajar sarjana Pusat Kembangan Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM. Dalam konteks kajian ini, 100 orang pelajar

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

pascasiswazah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kursus dan tahun pengajian menjadi sasaran utama kajian, yang mana telah mengikuti pembelajaran secara atas talian semenjak Mac 2020 iaitu ketika PKP diumumkan dan dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang dikemukakan, berikut terdapat perkara yang dapat dirumuskan. Terdapat tiga objektif dan sembilan hipotesis kajian yang telah capai dalam kajian ini.

Bagi objektif pertama adalah bagi mengenal pasti tahap penerimaan dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP. Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP (min = 3.83, SP = 0.648) adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapat dilihat juga sebenarnya latar belakang para responden selain menjadi pelajar, mereka juga berlatar belakangkan seorang pendidik, yang masih aktif mengajar di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Berkemungkinan para responden sendiri telahpun bersedia, berkebolehan dan mempunyai pengetahuan dalam mengendalikan kelas secara e-pembelajaran di sekolah masing-masing. Dapat dilihat item yang mendapat skor yang tertinggi menunjukkan responden bersetuju bahawa perlaksanaan e-pembelajaran adalah bergantung kepada kemahiran pengguna dan fasiliti. Selain itu, responden juga memilih e-pembelajaran membolehkan mereka belajar dengan selesa dan fleksibel tanpa mengira masa dan lokasi. Dalam masa yang sama dapat memudahkan proses pembelajaran iaitu dapat menjimatkan masa untuk mencari nota dan membuat latihan. Seterusnya dapat dilihat juga para responden masih belum dapat menerima sepenuhnya dengan perlaksanaan e-pembelajaran. Dapat disimpulkan juga responden masih merasakan kurang memahami hasil pembelajaran dengan menggunakan e-pembelajaran berbanding dengan kaedah bersemuka. Namun secara keseluruhan, tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP adalah berada pada tahap yang tinggi.

Selain itu, bagi menjawab objektif seterusnya juga, mengenal pasti tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP. Secara keseluruhannya, tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran *online* semasa PKP adalah berada pada tahap yang sederhana. Antara item yang mendapat skor yang tertinggi adalah berkenaan e-pembelajaran dapat membantu mereka untuk mencari bahan dan nota tambahan berkaitan pembelajaran. Hal ini kerana, kebanyakan bahan bacaan pendidikan juga kini dapat diakses secara atas talian sahaja. Lebih-lebih lagi pada era digital ini, semua maklumat berada di hujung jari. Majoriti responden menyukai e-pembelajaran kerana memudahkan mereka untuk mencari bahan tambahan dan juga seronok untuk meneroka cara mengendalikan teknologi. Sejajar dengan dapatan kajian Haron, Hussin dan Yusof (2020), para pelajar menerima baik pembelajaran menggunakan MOOC kerana platform dan teknologi baru yang kondusif ini dapat digunakan untuk memuat turun nota kursus, mempelajari kursus secara kendiri dan membuat perbincangan dengan rakan dan pensyarah. Begitu juga dengan dapatan kajian Umbit & Taat (2016), penerimaan baik terhadap e-pembelajaran adalah tinggi disebabkan faktor tanggapan kebergunaan, tanggapan mudah guna, ciri-ciri pensyarah, kualiti sistem, kualiti maklumat dan sokongan teknikal. Walau bagaimanapun, responden masih memilih pertemuan bersemuka berbanding dengan e-pembelajaran.

Bagi objektif kedua pula adalah bagi mengenal pasti tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar berdasarkan faktor demografi iaitu jantina, lokasi tempat tinggal dan keputusan. Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar berdasarkan faktor demografi. Hal ini menunjukkan bahawa jantina, lokasi tempat tinggal dan keputusan/pencapaian tidak memainkan peranan yang signifikan kerana tidak mempunyai perbezaan dalam tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP.

Bagi menjawab objektif ketiga pula, kajian mendapati tahap penerimaan pelajar ($r = 0.712$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP. Menurut Alias Baba (1995), kekuatan pekali korelasi daripada 0.61 sehingga 0.8 adalah berada di tahap yang kuat. Dapat dirumuskan, terdapat perhubungan yang kuat antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar terhadap e-pembelajaran semasa PKP. Hal ini membuktikan responden dapat menerima baik perlaksanaan e-pembelajaran hanya jika mereka dibekalkan dengan elemen teknologi dan kemahiran yang secukupnya. Dapat disimpulkan juga, tahap penerimaan yang positif secara langsung akan mempengaruhi tahap komitmen belajar pelajar dan seterusnya akan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

mempengaruhi pencapaian/keputusan mereka. Seperti yang dinyatakan dalam kajian (Ting 2007), kecekapan para siswazah dalam menggunakan e-pembelajaran adalah disebabkan kebolehan dan kemahiran yang telah mereka miliki dalam mengendalikan e-pembelajaran yang mana telahpun menjadi perkara biasa bagi mereka dan bukanlah benda yang baru bagi mereka. Jika diteliti hasil-hasil kajian sebelum ini juga seperti Vinathan (2016) , Umbit dan Taat (2016), Haron, Hussin dan Yusof (2020), Goliong et al. (2020) serta Ting (2007) menyatakan elemen persediaan seperti teknologi menjadi cabaran utama dalam perlaksanaan e-pembelajaran. Oleh itu, dapat disimpulkan juga, e-pembelajaran hanya akan berjaya dilakukan dengan berkesan sekiranya disokong dengan adanya kemahiran dan kemudahan-kemudahan teknologi yang lengkap dan kondusif.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian terhadap pelajar pascasiswazah Fakulti Pendidikan, UKM, walaupun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penerimaan pelajar dan komitmen belajar pelajar berdasarkan faktor demografi, jantina, lokasi tempat tinggal dan juga pencapaian pelajar. Namun dapat dirumuskan, terdapat perhubungan yang kuat antara tahap penerimaan pelajar dengan komitmen belajar pelajar terhadap pembelajaran atas talian semasa berlangsungnya PKP.

Perlaksanaan sepenuhnya pembelajaran atas talian buat pertama kali dilaksanakan di Malaysia khususnya pada era pandemik ini. Penambahbaikan dari pelbagai aspek masih perlu dikaji dan diperbaiki agar proses pembelajaran dapat terus dilaksanakan dengan berkualiti dan berkesan, walaupun bukan secara bersemuka ataupun fizikal. Segala permasalahan dan kekurangan yang ada dalam bidang pendidikan pada ketika ini merupakan satu peluang dan ruang untuk kita sama-sama kaji dan membuat penambahbaikan bagi memenuhi keperluan pendidikan dan menawarkan kualiti pendidikan yang terbaik.

Dapatan kajian ini terbatas kepada pelajar Fakulti Pendidikan, UKM sahaja. Kajian ini bertujuan untuk mengambil maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tahap penerimaan pelajar dan tahap komitmen pelajar terhadap e-pembelajaran semasa perlaksanaan PKP sahaja. Kajian ini tidak mewakili penggunaan e-pembelajaran bagi fakulti-fakulti yang lain mahupun institusi-institusi pendidikan yang lain. Oleh itu, kajian ini mungkin akan berbeza dengan dapatan-dapatan masa lalu dan masa hadapan.

Rujukan

Ahmid, M., H., Abdullah, M., K. & Johari, K. (2018). Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJ - SSH) 3(3): 136–147.

Alias Baba. (1999). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Ed. Ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Andin, C., Zainol R., M. Wong H., C. & Hamzah, R. (2019). Minat Murid Berpencapaian Rendah Terhadap Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* JILID KE-20, 2019.

Chigona, A. & Davids Z. (2014). Educators' Motivation on Integration of ICTs into Pedagogy: Case of Disadvantaged Areas. *South African Journal of Education*, v34 (3).

Goliong, L. Kasin, A., Johny M., Yulip, N.G. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Sabah* 1–15.

Hamdan, A., Din, R., Abdul Manaf, S. Z., Mat Salleh, N. S., Kamsin, I.F., & Ismail, N. M. (2015). Pengaplikasian UTAUT dalam bidang pendidikan: Satu ulasan sistematik (UTAUT applications in the field of education: A systematic review). Akademia Baru: *Journal of Advanced Review on Scientific Research* 5(1): 10–29.

Hamid, S. A., & Mohamad, A. M. (2017). Konstruk Komitmen Kerja Yang Mendominasi Impak Kerangka Asas Kepimpinan Syura. *Malaysian Online Journal of Education, 1*(2), 82-92.

Haron, H., Hussin, S., & Yusof. A., R. (2020). Penerimaan Teknologi Massive Open Online Course (MOOC) Di Kalangan Pelajar Di UKM : Satu Kajian Rintis.Sains *Insani*, 05(1) : 142-147.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 7, Issue 1, (page 15 - 30), 2022
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1254

Jamian, R., Zainal Abidin, Nurul Hafizah., Arsad, Roslah. (2020). Analisis Deskriptif bagi Penggunaan Aplikasi Quizizz ke atas Guru dalam Penilaian Prestasi Murid bagi Subjek Matematik. *Mathematical Sciences and Informatics Journal, 1*(2), 87-97. DOI: 10.35631/IJMOE.380015.

Linsah, C. & Mahamod, Z. (2018) Tahap pengetahuan, penerimaan dan penguasaan pelajar etnik Bidayuh Bukar Sadung dalam pembelajaran bahasa Melayu melalui peta pemikiran I-Think. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *6*(3), 3-15.

Lapammu, S., & Mahamod, Z. (2018). Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Tingkatan 4 Terhadap Penggunaan Pembelajaran Persekitaran Maya Vle Frog Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, *8*(1), 53-62.

Mokhtar, R. & Abu Karim, M. H. (2021). Exploring Students Behaviour in Using Google Classroom During Covid-19 Pandemic: Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, *3*(8), 182–195.

Nasir, Z., M. & Hamzah, Z., A., Z. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *134*(May), 408–415. Doi: 10.1016/j.sbspro.2014.04.263.

OECD. (2020). "Education responses to COVID-19: an implementation strategy toolkit." *OECD Education Policy Perspectives, No. 5, OECD Publishing, Paris*, 66(3), 227–268.

*Pejabat Perdana Menteri. (*2020). "Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai Covid-19,". Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri Malaysia.

Quah, W., B. (2020). Pandemik Covid-19 : Mempercepatkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (Pdpdt) Di Kolej : Isu & Cabaran Yang Dihadapi Oleh Pensyarah Dan Pelajar. *TVET Think Big.* Vol. 4. PP199-209. Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Raza, S. A., Qazi, W., Khan, K. A., & Salam, J., (2021). Social Isolation and Acceptance of the Learning Management System (LMS) in the time of COVID-19 Pandemic : An Expansion of the UTAUT Model. *Journal of Educational Computing Research*, *59*(2), 183–208. DOI: 10.1177/0735633120960421.

Safri, S.N.W., Mohi, Z. & Hanafiah, M.H. (2020). Massive Open Online Course (MOOC): Our saviour during COVID-19 pandemic? *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, *12*(3), 120-128.

Ting, K., S. (2007) Kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran (e-learning) di kalangan pelajar jurusan pendidikan teknik dan vokasional di institusi pengajian tinggi (IPTA) negeri Johor. *Masters thesis*, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.

Venkatesh, V., Morris, M. G., & Davis, G. B. (2003). User Acceptance of Information Technology: Toward A Unified View. *MIS Quarterly*, *27*(3), 425-478.

Vinathan, T., A., P. (2016). Hubungan Motivasi Guru Dengan Penggunaan Ict Dalam Pengajaran Di Sjk (T) Daerah Kuala Muda Yan. Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 1043-1054. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016. Universiti Utara Malaysia, Malaysia. DOI: http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.647

Yahaya, N. & Ling, N., N. (2011). Kesediaan Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar Tahun Kedua Kursus Sarjana Muda Sains, Komputer Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia - Satu Tinjauan. *Jurnal of Educational Social Science, 1*, 121-140.